

Pemansuhan sumber air boleh musnah pulau

DE 18/05/12 2

Sherell Ann Jeffrey

KOTA KINABALU: Kewujudan sumber air tawar di sesebuah pulau boleh menentukan kelangsungan hidup pulau tersebut, justeru terdapat keperluan untuk merumus strategi jangka panjang terhadap penyelidikan dan pengurusan pulau-pulau.


Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Malaysia Sabah (UMS) Profesor Dr. Mohd Harun Abdullah berkata, dalam erti kata lain, pemusnahan sumber air boleh membawa kepada kemusnahan sesebuah pulau itu keseluruhannya.

Beliau berkata demikian dalam syarahan sulungnya yang memperkenalkan buku baharunya berjudul 'Water and Island Survival: Comprehending the Tacit Force of Nature' di Dewan Kuliah UMS di sini, Rabu.

Prof. Mohd Harun berkata, dengan tarikan semula jadinya serta aktiviti pelancongan yang pesat, pulau-pulau tropika Malaysia telah menjadi destinasi penting bagi pelancong tempatan dan antarabangsa, sambil menegaskan, sektor ini adalah salah satu penyumbang utama terhadap pertumbuhan ekonomi negara.

Beliau berkata, jika pembangunan rekreasi pulau-pulau itu tidak diurus dengan sempurna dan secara bijak, alam sekitarnya mungkin akan terjejas, lebih-lebih lagi pulau-pulau kecil.

"Apabila jumlah pelancong bertambah, penggunaan air tawar bawah tanah juga akan berlebihan dan ini mendatangkan ancaman pencemaran berikutan larut resap kumbahan," katanya, sambil memberi contoh Pulau Sipadan.



MOHD Harun (kiri) menyerahkan salinan bukunya kepada Kamaruzaman (tengah) sambil diperhatikan oleh Mariam.

Katanya, kes seperti Pulau Sipadan memberi pengajaran kepada masyarakat tentang bagaimana sumber air bawah tanah boleh tercemar disebabkan aktiviti pelancongan tidak terkawal atas pulau kecil tersebut.

Bagaimanapun, campurtangan kerajaan dalam mengurus, mengatasi dan memulihkan pulau itu telah menjadi satu pengalaman yang berguna dan pencapaian kepada negara.

Beliau berkata, pulau-pulau di Malaysia menuntut perhatian serius dan memerlukan kajian bagi melindungi sumber air dan alam sekitarnya.

Dengan pendekatan bersepadu, sistematik dan dirancang rapi, faedah optimum

dan pembangunan mapan pulau-pulau tropika negara boleh dicapai.

Terdahulu dalam ceramahnya, beliau menjelaskan, pada amnya air bawah tanah di pulau-pulau kecil berhadapan dengan dua cabaran, iaitu cabaran semula jadi seperti iklim dan kenaikan paras air laut dan cabaran anthropogenik seperti pencemaran dan pengepaman air bawah tanah secara berlebihan yang membawa kepada gangguan terhadap keaslian pulau tersebut.

Turut hadir ialah Naib Canselor UMS Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon dan Dekan Pusat Pengajian Lepas Ijazah, Profesor Madya Datin Dr, Mariam Abd Latip.